

SIKAP LIBERAL DALAM MEMAHAMI FIQH MAZHAB SYAFI'I: REALITI DAN FENOMENA DI MALAYSIA

Oleh:

*Ridzwan bin Ahmad**

ABSTRACT

Sikap tidak fanatik kepada sesuatu mazhab dalam menilai dan mengamalkan sesuatu hukum telah dianggap dewasa kini sebagai tindakan yang bijak dan harmoni dalam menangani permasalahan hukum yang timbul khususnya di Malaysia. Malah pada dasarnya sikap tersebut memang dianjurkan oleh pelbagai ulama muta'akhhirin berlandaskan kefahaman ilmu usul al-fiqh yang sebenar. Lantaran itu golongan yang menonjolkan diri sebagai tidak condong kepada mana-mana mazhab fiqh semakin mendapat tempat di Malaysia. Pandangan dan penulisan mereka sentiasa mendapat tempat di dada akhbar dan media massa. Manakala golongan tradisional yang dilabel oleh sesetengah pihak sebagai fanatik mazhab khususnya mazhab Syafi'i dianggap mewarisi pemikiran yang kolot dan tidak rasional kerana masih memperjuangkan pandangan mazhab Syafi'i dalam pelbagai sudut walaupun keperluan terhadapnya telah ditelan zaman. Fenomena ini telah membawa senario baru di Malaysia iaitu sebahagian masyarakat telah meragui sejauh mana amalan yang diamalkan oleh mereka bersandarkan pegangan mazhab Syafi'i yang asal ataupun ianya hanya rekaan ulama

* Pensyarah, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

terkemudian. Dari sudut yang lain golongan yang sering mengkritik golongan tradisional ini pula kelihatan cendorong kepada mazhab tertentu walaupun masih tidak menyatakan secara jelas. Persoalannya ialah sejauh mana kerelevan mazhab Syafi'i perlu dipertahankan untuk diterima pakai di Malaysia dalam semua bidang ketika ini. Apakah perubahan zaman yang ada menyebabkan keperluan terhadap mazhab Syafi'i tidak dirasai lagi kewujudannya. Seterusnya sejauh manakah sikap liberal dalam menghayati fiqh mazhab Syafi'i itu benar-benar mampu diperaktikkan. Adakah dengan memahami fiqh mazhab Syafi'i melalui penukilan-penukilan kitab silam itu memadai untuk dilakukan kritikan tanpa memahami bagaimana metode mazhab Syafi'i itu dijelmakan dalam membina hukum. Semua persoalan ini akan cuba digarapkan dalam penulisan ini.

PENDAHULUAN

Pengamalan mazhab Syafi'i dalam pelbagai bidang fiqh di Malaysia lebih berdasarkan penukilan pendapat-pendapat para pendokongnya yang termuat dalam penulisan fiqh silam. Hal ini membawa kepada masyarakat hanya mengetahui fiqh mazhab Syafi'i daripada mengetahui metode pembinaan hukum yang diamalkan dalam mazhab Syafi'i. Perkembangan ini amat sesuai dengan kemampuan orang awam yang hanya mampu bertaklid dengan hukum-hakam yang ada tanpa perlu meneliti bagaimana hukum tersebut dijelmakan oleh Imam Syafi'i ataupun para pendokongnya. Walau bagaimanapun apabila isu-isu *khilafiyah* dalam fiqh madhāhib diperbesarkan dan didedahkan kepada perbicaraan awam, rata-rata umat Islam yang tidak terdedah kepada ilmu usul fiqh menjadi keliru dan bingung sama ada amalan yang disandarkan kepada mazhab Syafi'i ini tepat ataupun tidak untuk diamalkan. Begitu juga sebahagian mereka sudah mula merasai kurang yakin dengan amalan silam yang disandarkan kepada mazhab Syafi'i apabila didakwa amalan tersebut terkeluar dari ajaran Islam yang asal.

Semua fenomena ini memerlukan kefahaman sebenar terhadap fiqh Syafi'i yang wajib disandarkan kepada ilmu usul fiqh bukannya pengetahuan terhadap fiqh semata-mata. Manakala kefahaman tersebut pula hendaklah berasaskan kepada sikap liberal (terbuka) dalam menerima pelbagai pandangan yang ada bukannya terikat secara buta tuli dengan pegangan mazhab yang dianut. Bagi golongan yang terpesona dengan pandangan mazhab Syafi'i yang muktamad hendaklah membuat anjakan minda dengan bersikap terbuka dan menerima hakikat bahawa bukan semua pandangan muktamad dalam sesuatu mazhab mesti dipertahankan sehingga ke akhir zaman tanpa menilai perubahan zaman dan tempat. Ini kerana pandangan muktamad yang bersifat *ijtiḥādiyyah* itu tidak akan kekal buat selama-lamanya melainkan jika ianya bersandarkan kepada nas-nas yang *sariḥ* (jelas).

PENGAMALAN MAZHAB SYAFI'I DI ALAM MELAYU: SEJARAH DAN STATUS KEASLIAN MAZHAB

Mazhab Syafi'i telah diamalkan oleh majoriti umat Islam di Malaysia dan Nusantara amnya secara meluas dalam pelbagai bidang. Menurut sejarah mazhab Syafi'i adalah mazhab fiqh yang paling awal sampai ke Nusantara khususnya di Indonesia.¹ K.H Siradjuddin Abbas menyatakan agama Islam telah masuk ke Indonesia terutamanya ke utara pulau Sumatera pada abad pertama Hijrah bukan abad keenam atau ketujuh sebagaimana didakwa oleh penulis-penulis Belanda. Begitu juga bagi beliau iktiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah adalah fahaman akidah yang mula-mula masuk ke alam Melayu bukannya iktiqad Syiah sebagaimana dakwaan sesetengah penulis.² Menurut Mahayudin Hj. Yahaya, agama sampai ke Tanah Melayu pada abad ketiga Hijrah. Manakala Kedah dianggap negeri Tanah Melayu yang pertama

¹ Siradjuddin Abbas (2003), *Sejarah Dan Keagungan Mazhab Syafi'i*, c. 10. Jakarta: Pustaka Tarbiah, h. 314.

² *Ibid.*, hh. 313-314.

menerima agama Islam iaitu pada zaman Khalifah Abbasiyyah al-Mutawakkil (238H/847M-247H/861M).³

Sebenarnya alam Melayu pernah diresapi oleh ajaran Syiah pada abad keempat Hijrah ketika kekuasaan Kerajaan Fatimiyyah di Mesir. Namun setelah Sultan Salahuddin yang bermazhab Syafi'i berkuasa begitu juga Raja-raja Mamalik selepas beliau yang bermazhab Syafi'i, alam Melayu kembali mengamalkan mazhab Syafi'i hasil penyebaran para mubaligh yang bertebaran ke seluruh dunia sehingga ke alam Melayu.⁴ Seterusnya sejarah mencatatkan golongan Wahabi yang mendakwa bermazhab Hanbali dari sudut fiqhnya juga pernah berusaha bertapak di alam Melayu dengan menguasai Minangkabau pada 1803M sehingga Belanda menawan Minangkabau pada 1837M.⁵ Setelah penjajah meninggalkan Tanah Melayu dan Indonesia, alam Melayu masih didominasi dengan pengamalan mazhab Syafi'i dan akidahnya Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah sehingga kini. Kekebalan mazhab Syafi'i sebagai mazhab rasmi Nusantara masih kekal utuh sehingga kini.

Di Malaysia dari sudut prosedur pengeluaran fatwa pandangan fiqh mazhab Syafi'i diberi keutamaan. Hal ini jelas apabila dinyatakan dalam peraturan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia bahawa *qawl* muktamad mazhab Syafi'i lazimnya diguna pakai. Namun jika *qawl* tersebut bertentangan dengan kepentingan awam, jawatankuasa fatwa boleh merujuk kepada *qawl* muktamad dalam mazhab Ahl al-Sunnah yang lebih kuat dalilnya dan lebih *maslahah* bagi umat.⁶ Walaupun pandangan mazhab lain yang lebih kuat dalilnya masih terdedah kepada pelbagai persoalan kerana setiap mazhab mempunyai dalil yang masing-masing dianggap lebih kuat namun keutamaan mazhab Syafi'i ke atas mazhab lain telah dijadikan

³ Mahayudin Hj. Yahaya (1987), *Ensiklopedia Sejarah Islam*, c. 1, j. 3. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hh. 724-724.

⁴ Siradjuddin Abbas (2003), *op.cit.*, h. 327.

⁵ *Ibid.*, hh. 358-365.

⁶ Ahmad Hidayat Buang (2006), "Ke Arah Penyelelarasan Fatwa: Masalah, Kemungkinan Dan Cabaran Penyelesaian" dalam Abdul Samat Musa, *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-negara Asean*, Institut Pengurusan Dan penyelidikan Fatwa Sedunia (IN-FAD). Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia, h. 34.

sebagai salah satu prosedur pengeluaran fatwa. Pada dasarnya pemakaian pandangan yang muktamad dalam mazhab lain tidak bermakna terkeluar dari pemakaian mazhab Syafi'i secara total. Ini kerana sebahagian pandangan (*qawl*) yang muktamad dalam mazhab lain itu menjadi pandangan lemah (*da'if*) dalam mazhab Syafi'i. Begitu juga *rājiḥ* ataupun *marjūḥ* bukannya bersifat statik bahkan boleh bertukar ganti mengikut perubahan zaman dan tempat. Ini kerana hukum-hakam yang bersifat *ijtihādiyyah* itu akan berubah berdasarkan perubahan zaman dan tempat.⁷

Seterusnya perkembangan fatwa di Malaysia juga menunjukkan terdapat usaha-usaha bagi negeri tertentu yang ingin memelihara fiqh mazhab Syafi'i dengan menerima pakai mazhab mazhab tersebut semaksimum mungkin dalam mengeluarkan sesuatu fatwa. Di antaranya ialah Wilayah Persekutuan yang menetapkan prosedur fatwanya tersendiri. Hal ini dapat dilihat melalui Keputusan Jawatankuasa Fatwa di Wilayah persekutuan (Fatwa Wilayah Persekutuan (1975-1986) minit No. 55) yang menyelaraskan kegunaan fatwa sepertimana berikut:⁸

- i. Semua fatwa yang diputuskan mestilah berdasarkan kepada *qawl* yang muktabar di dalam mazhab Syafi'i. Jika hendak beramal dengan *qawl* dari mazhab lain perlu mendapat restu dari Yang di-Pertuan Agong.
- ii. Umat Islam tidak dipaksa beramal dengan mazhab Syafi'i bahkan boleh beramal dengan mana-mana mazhab lain yang disukai dengan syarat tidak boleh menyalahkan orang-orang yang beramal dengan mazhab Syafi'i.
- iii. Mazhab-mazhab lain tidak boleh diajar atau disyarahkan secara terbuka di khalayak ramai, namun boleh diajar di majlis-majlis pelajaran.
- iv. Menjadi satu kesalahan jika mengajar selain daripada mazhab Syafi'i secara terbuka.

⁷ Lihat 'Abd al-Aziz al-Khayyat (1977M), *Nazriyyat al-'Urf*. 'Amman: Maktabat al-Aqsā, , h. 72-81.

⁸ Ahmad Hidayat Buang (2006), *op.cit.*, h. 34.

- v. Jika fatwa telah dikeluarkan berasaskan kepada mazhab Syafi'i tiada sesiapapun boleh membantahnya dengan menggunakan hujah daripada mazhab yang lain.

Walau bagaimanapun sehingga kini tidak diketahui mana-mana negeri yang terlibat mengenakan hukuman terhadap golongan yang menyebarluaskan ajaran selain Mazhab Syafi'i di Malaysia. Situasi ini seolah-olah menunjukkan sukar menjadikan Mazhab Syafi'i sebagai rujukan fiqh secara konsisten di Malaysia dalam pelbagai bidang lantaran penguasaan metode pembinaan hukum dalam mazhab Syafi'i tidak dikuasai secara mendalam oleh sebahagian besar mereka yang terlibat dalam urusan fatwa dan hukum Islam semasa dan setempat. Malah perkembangan mutakhir menunjukkan telah wujud golongan tertentu yang mendakwa ingin membetulkan pegangan mazhab Syafi'i sebenar terhadap umat Islam Malaysia kononnya mereka telah tersasar dari berpegang dengan mazhab Syafi'i yang asal.

Persoalan pokok di sini ialah siapa yang lebih berautoriti menentukan sesuatu amalan yang diamalkan oleh umat Islam di Malaysia bertepatan dengan mazhab Syafi'i ataupun tidak. Begitu juga apakah kaedah yang digunakan untuk membuat penilaian yang sebenar. Untuk menilai ketepatan sesuatu amalan sejajar dengan mazhab tertentu pengetahuan hukum-hakam yang disandarkan kepada mazhab berkenaan sahaja tidak memadai. Ini kerana fiqh sesuatu mazhab itu didirikan berdasarkan metode pembinaan hukum yang dijelmakan oleh pengasas masing-masing. Imam Syafi'i sebagai pengasas mazhab Syafi'i melalui kitabnya *al-Risalah* merupakan ulama yang pertama menulis kitab ilmu usul fiqh⁹ yang menjadi panduan kepada para pendokongnya melakukan ijtihad pada zaman masing-masing. Malah pendokong mazhab lain seperti Hanafi, Maliki dan Hanbali juga banyak mengambil manfaat dari kitab tersebut. Bahkan semua manusia terutang budi kepada Imam Syafi'i dalam ilmu usul fiqh walaupun mereka berkecimpung dengan ilmu tersebut secara mendalam selepas itu.¹⁰

⁹ Lihat Muḥammad bin al-Ḥasan al-Ḥajawi (1416H), *al-Fikr al-Sami fi Tarikh al-Fiqh al-Islāmi*, juz. 1, c. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hh. 468-470.

¹⁰ Ahmād Amin (1952), *Duhā al-Islām*, c. 7, juz. 2. Kaherah: Maṭba‘ah Lajnah al-Ta’līf wa al-Tarjumah wa al-Nahṣr, hh. 227-229.

Oleh itu jika sesuatu hukum yang dikeluarkan oleh mana-mana ulama Syafi'i terkemudian berlawanan dengan pandangan Imam Syafi'i sendiri tetapi berdasarkan metode pembinaan hukum Imam Syafi'i yang asal maka masih dianggap tidak terkeluar dari mazhab Syafi'i. Inilah yang berlaku ke atas para pendukung mazhab Syafi'i seperti Imam al-Ghazālī, 'Izz al-Dīn 'Abd al-Salām, Imam al-Nawawī, Imam Ibn Ḥajar al-Haytāmī, Imam al-Rāmī dan lain-lain. Imam al-Suyūṭī dalam menjelaskan fenomena ini menyatakan:

Realitinya apa yang dilakukan oleh sebahagian pendokong mazhab Syafi'i ialah mereka masih bermazhab Syafi'i namun bukan bertaqlid kepadanya,¹¹ bahkan mereka mendapati metode Imam Syafi'i adalah metode yang terpimpin dalam melakukan qiyas dan ijtihad sedangkan mereka tidak dapat mengelakkan diri dari berijtihad. Justeru itu mereka menggunakan metode tersebut dengan mencari penyelesaian hukum-hakam yang diperlukan. Manakala status fatwa yang dikeluarkan oleh mereka (walaupun bukan mujtahid *muṭlaq mustaqīl*) adalah sama dengan status fatwa seorang mujtahid *muṭlaq mustaqīl* dari sudut pengamalan

¹¹ Ini kerana Imam Syafi'i sendiri menegah al-Muzānī, murid kana -nya dari bertaqlid kepadanya. Hal tersebut memandangkan Imam Syafi'i mengetahui bahawa anak muridnya itu mampu berijtihad. Manakala golongan awam tidak wajib berijtihad. Mereka yang tidak memahami maksud Imam Syafi'i dalam hal ini menjadikan kata-kata tersebut sebagai wajib berijtihad walaupun ke atas orang awam yang tidak mampu melakukannya sedangkan orang awam sebagaimana kata al-Shahrastānī wajib bertaqlid kepada mazhab tertentu. Namun menurut beliau para ulama tidak membolehkan golongan awam yang bermazhab Syafi'i bertaqlid dengan mazhab Hanafi begitu juga golongan awam yang bermazhab Hanafi bertaqlid dengan mazhab Syafi'i kerana ditakuti membawa kepada percampuran dan kerosakan. Lihat Muḥammad bin 'Abd al-Karimal-Shahrastānī (1997M/1417H), *al-Milal wa al-Nihāl*, Amīr 'Alī Mahna dan 'Alī Hasan Fa'ur (ed.), c. 6, juz. 1. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 242; Muḥammad bin Idrīs bin 'Abbās bin Uthmān bin Syāfi'i (1993/1413H), *Al-Umm (Mukhtaṣar al-Muzānī)*, Muḥammad Maṭrājī (ed.), c. 1, juz. 9. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 3.

dan pengkategorian dalam ijmak dan percanggahan pandangan (*khilāf*).¹²

Apa yang jelas para pendokong mazhab Syafi'i yang berlainan pandangan dengan Imam Syafi'i dalam sesetengah hukum tetap menganggap diri mereka bermazhab Syafi'i. Mereka masih menggunakan metode ataupun kaedah fiqh Imam Syafi'i secara berterusan dalam menetapkan keputusan sesuatu hukum. Hal ini disebabkan selepas zaman Imam empat mazhab iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali yang dikenali sebagai mujtahid *muṭlaq mustaqīl*, hampir-hampir boleh dikatakan tidak ada lagi mana-mana ulama yang mampu membina metode ataupun kaedah tersendiri dalam pembinaan hukum (Usul Fiqh) melainkan dengan kehendak Allah SWT. Ibn Burhān dalam menjelaskan situasi tersebut menegaskan bahawa metode mazhab dan kaedah-kaedah dalil telah diambil dari golongan terdahulu (*salaf*). Oleh itu tidak harus bagi generasi kemudiannya melakukan sesuatu yang bertentangan dengannya.¹³

Golongan yang tidak memahami metode Imam Syafi'i dalam pembinaan hukum-hakam malah hanya menghafal *qawl qadīm* dan *qawl jadīd* beliau sahaja akan terperangkap dalam kerakusan dan kelancangan mereka melemparkan tuduhan yang negatif terhadap sesuatu amalan yang diamalkan di Malaysia. Apabila menemui hukum mahupun amalan oleh masyarakat Malaysia bertentangan dengan pandangan fiqh Syafi'i sebagaimana termuat dalam kitab-kitab silamnya maka golongan ini akan melemparkan tuduhan melulu bahawa umat Islam di Malaysia tidak lagi beramal dengan ajaran mazhab Syafi'i yang asal. Malah lebih dari itu apabila amalan tersebut memang datangnya dari kitab-kitab Imam Syafi'i sendiri sedangkan dalam perkiraan dan sangkaan mereka tidak lagi relevan justeru seruan ke arah berpegang dengan mazhab lain yang mendapat dukungan sejati dilakukan agar umat Islam meninggalkan mazhab Syafi'i dan berpindah ke mazhab mereka.

¹² Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (1413H), *al-Radd ‘alā man Akhlada ilā al-Ard wa Qāla inn al-Ijtihād fī kull ‘Asr Fard*, Khalil al-Mays (ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 114.

¹³ ‘Abd al-Rahmān bin Abu Bakar al-Suyūṭī (t.t.), *al-Radd ‘ala man Akhlada ilā al-Ard wa jahila an al-Ijtihād*.(t.t.p.):Maktabat al-Thaqafah al-Diniyyah, h. 39.

Seruan tersebut kononnya dibuat bersandarkan sikap liberal dalam memahami fiqh mazhab Syafi'i. Sebenarnya fenomena ini bukannya baru bahkan ianya telahpun menular sejak sekian lama akibat ketaasuhan kepada sesuatu mazhab.

Sikap Liberal dan Hubungannya Dengan Senario Pertentangan Mazhab di Malaysia

Sikap liberal yang dimaksudkan dalam penulisan ini ialah berpandangan bebas dan terbuka¹⁴ tanpa terikat secara mutlak dengan mana-mana mazhab. Pada dasarnya fenomena sikap liberal di Malaysia mempunyai kaitan rapat dengan keempat golongan berikut:

- i. Golongan yang mendakwa tidak berpegang dengan mana-mana mazhab walaupun pada realitinya masih cenderung dengan mazhab tertentu. Apabila meneliti pandangan fiqh dalam mazhab Syafi'i mereka bersikap terbuka tanpa cenderung mengkritik fiqh mazhab tersebut secara melulu sehingga terkeluar dari batasan ilmiah sebenar.
- ii. Golongan ini berpegang dengan mazhab selain mazhab Syafi'i. Ketika menilai fiqh mazhab Syafi'i mereka cuba menjauhkan diri dari terlalu fanatik (taksub) kepada mazhab yang dipegangi tanpa menilai keperluan sebenar.
- iii. Golongan yang bermazhab Syafi'i. Apabila pandangan muktamad dalam mazhab Syafi'i tidak relevan dengan perubahan situasi dan zaman maka mereka bersikap terbuka dengan mengamalkan pandangan lain walaupun pandangan tersebut sejajar dengan pandangan mazhab lain.
- iv. Golongan ini menyeru kepada perubahan mazhab Syafi'i di Malaysia. Mereka menyeru golongan bermazhab Syafi'i agar bersikap liberal dengan menerima pandangan dari golongan mazhab lain sedangkan pada ketika yang sama mereka cenderung dengan mazhab tertentu yang diakwa lebih tepat dan relevan dengan zaman dan tempat.

Dalam hal ini sikap liberal yang dimaksudkan dalam penulisan ini hanya mempunyai kaitan yang rapat dengan golongan pertama,

¹⁴ Lihat definisi liberal dalam Tengku Iskandar dll. (1996), *Kamus Dewan*, c. 2, ed. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 806.

kedua dan ketiga. Manakala golongan keempat terkeluar dari sikap liberal sebenar sebagaimana yang penulis maksudkan. Golongan keempat ini sering mencari kekurangan yang ada pada mazhab Syafi'i semata-mata untuk memikat masyarakat menerima aliran yang didokongnya sehingga sanggup menfasiq, mengkafir dan mencela golongan yang mengamalkan mazhab Syafi'i. Mereka juga berusaha menimbulkan keraguan terhadap al-Sunnah yang dijadikan hujah oleh golongan Syafi'i dalam pengamalan ibadat tertentu kononnya hadis tersebut adalah *mawdū'* (rekaan), daif yang tidak boleh diamalkan seolah-olah urusan menentukan kesahihan hadis telah "diswastakan" oleh Allah SWT kepada golongan-golongan tertentu sahaja. Bahkan lebih dari itu disebabkan kedangkalan terhadap metode pembinaan hukum (ilmu usul fiqh) dan *maqāsid shar'iyyah* yang dipegangi oleh para pendukung mazhab Syafi'i, mereka sanggup menuduh masyarakat Melayu telah terpesong dari mengamalkan mazhab Syafi'i yang asal. Bagi mereka berpegang dengan mazhab Syafi'i bermakna mesti mengamalkan pandangan hukum pengasasnya iaitu Imam Syafi'i sendiri secara mutlak tanpa membezakan persoalan asal dan *furū'* (*ijtihādiyyah*) sedangkan kebenaran hukum fiqh adalah kerana bertepatan dengan *uṣūl*nya (usul fiqh/metodologi hukum) bukannya bertepatan dengan permasalahan hukum fiqh (*fiqh al-madhāhib*) yang lain semata-mata.¹⁵

Ketika waktu yang sama terdapat sebahagian golongan tertentu yang mengamalkan fiqh mazhab Syafi'i secara ketat sehingga menyusahkan umat Melayu. Mereka sanggup mempertahankan beberapa hukum fiqh yang memerlukan perubahan semata-mata untuk membebaskan diri dari beramal dengan mazhab fiqh lain seolah-olah hanya mazhab Syafi'i sahaja yang tepat dalam pelbagai bidang dan zaman. Golongan ini tidak berminat mengkaji bagaimana hukum fiqh tersebut dijelaskan sehingga menjadi pandangan yang muktamad dalam mazhab tertentu melainkan gemar menukilkan apa-apa pandangan fiqh yang tercatat dalam kitab-kitab fiqh klasik semata-mata secara bebas. Hasilnya hukum yang dikeluarkan oleh mereka membawa kepada kepayahan kepada umat sehingga mazhab Syafi'i dianggap sebagai mazhab yang terlalu ketat dan sukar diamalkan di Malaysia. Malah kewujudan

¹⁵ Lihat misalnya al-Juwaynī (1418H), *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*, juz. 2. Kaherah: Dār al-Wafa', h. 892.

golongan ini menambahkan lagi sikap salah faham sebahagian para pengkaji moden yang menuduh metode Imam Syafi'i dalam kitabnya *al-Risālah* sebagai jumud dan beku.¹⁶

Seterusnya fenomena di Malaysia menunjukkan wujudnya sikap sesetengah pihak yang suka mengaitkan mazhab Syafi'i dengan aliran hadis secara berlebihan berlawanan dengan mazhab Hanafi yang beraliran *al-ra'y* (penggunaan akal). Sebenarnya tuduhan tersebut hanya lebih bersifat taksub mazhab semata-mata. Ini kerana sejarah telah mencatatkan bagaimana perdebatan sengit telah berlaku di antara golongan Hanafi dengan golongan Syafi'i.¹⁷ Sebenarnya kewujudan mazhab Syafi'i adalah hasil dari jalan pertengahan iaitu gabungan semaksimum mungkin penggunaan akal dan nas-nas Syarak. Imam Syafi'i telah mengambil jalan pertengahan dalam beramal dengan *qiyās*. Beliau tidak menyempitkan pengamalan *qiyās* sebagaimana Imam Mālik dan tidak memperluaskannya sebagaimana Imam Abu Hanifah.¹⁸ Malah Imam Syafi'i menjadikan *qiyas* sebagai elemen yang penting dalam pembinaan hukum sehingga menganggap *qiyās* itu sendiri adalah *ijtihad*¹⁹ walaupun para ulama Usul mempunyai pelbagai tafsiran terhadap dakwaan tersebut. Dalam menjelaskan

¹⁶ Imran Ahsan Khan Nyazee misalnya mendakwa teori-teori yang dimuatkan oleh Imam al-Syafi'i di dalam *al-Risālah* hanya mampu menangani persoalan hukum yang tetap dan tidak berubah. Teori tersebut dilihatnya tidak mampu digunakan dalam permasalahan fiqh yang berkaitan dengan undang-undang baru yang melibatkan pemerintahan yang berbentuk fleksibel. Penulis telah menjawab segala tuduhan tersebut yang terbukti sebagai dakwaan yang tidak berasas sama sekali dalam tesis Ph.D penulis iaitu *Standard Maslahah dan Maf sadah dalam Penentuan Hukum Islam Semasa di Malaysia*, 2004, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Lihat Imran Lihat Imran Ahsan Khan Nyazee (2002), *Theories of Islamic Law*. Kuala Lumpur: The Other Press, hh. 153-159.

¹⁷ Lihat Muḥammad Abū Zahrah (1996), *Tarīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-Fikr al-Arabi, h. 303.

¹⁸ ‘Alī Jum‘ah Muḥammad (2004/1424H), *al-Madkhāl ilā Dirāsāt al-Madhāhib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dār al-Salam, h. 24.

¹⁹ Muhammad Idrīs al-Syāfi'i (t.t.), *al-Risālah*, Ahmād Muḥammad Shakir (ed.). Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, h. 477.

kepentingan *al-Risālah* Fakhr al-Dīn al-Rāzī menyatakan sebelum munculnya kitab ini, manusia membicarakan permasalahan usul fiqh dan berdalil dengannya namun mereka tidak mempunyai metode yang menyeluruh dalam memahami dalil-dalil Syarak dengan mantap.²⁰ Hal ini menunjukkan sumbangan Imam Syafī'i dalam metedologi hukum tidak dapat dinafikan oleh sesiapa lagi dalam dunia Islam.

Prinsip Meraikan Percanggahan Pendapat di Kalangan Mujtahid Lain Sebagai Asas Pemikiran Liberal Dalam Menghayati Fiqh Mazhab Syafī'i

Prinsip ini sebenarnya telah menjadi kaedah fiqh iaitu الخروج من الخلاف مستحب (keluar dari percanggahan pendapat ulama itu adalah digalakkkan). Menurut al-Suyuṭī tindakan tersebut dianggap lebih baik kerana ianya bersesuaian dengan sikap berjaga-jaga (*ihtiyāt*).²¹ Sikap ini amat penting kerana ulama hanya mentafsirkan hukum berdasarkan sangkaan kuat mereka terhadap kehendak Syarak. Kehendak hukum yang sebenar hanya diketahui oleh pembuat hukum iaitu Allah SWT. Prinsip meraikan perbezaan pendapat di kalangan ulama ini pada asasnya berdasarkan pencapaian *mashāyah* dan penolakan *mafsadah* terhadap manusia.²² Bagi penulis prinsip ini dapat direalisasikan dalam kes nikah tanpa wali yang berlangsung sekian lama. Menurut mazhab Syafī'i dan Hanbali tidak sah nikah tanpa wali sedangkan dalam mazhab Hanafi sah

²⁰ Fakhr al-Dīn al-Rāzī (1984), *Manaqib al-Syafī'i*, hh. 98-102 dinuki - kan dari ‘Alī Samī’ al-Nashar, *Manāhij al-Baḥth ‘ind Mufakkiri al-Islām*, c. 3. Beirut: Dār al-Nahḍah, h. 83.

²¹ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Suyuṭī (1987M/1407H), *al-Ashbāh wa al-Nazā’ir*; Muḥammad al-Mu’taṣim bi Allah al-Baghdadī (ed.), Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 259.

²² Lihat Muḥammad al-Āmin walad Muḥammad Salim bin al-Shaykh (2002M/1423H), *Mura’at al-Khilāf fī al-Madhhāb al-Mālikī wa ‘alaqatuhā bi ba’d Uṣūl al-Madhhāb wa Qawa’idih*, Dubay: Dār al-Buḥūth li al-Dirāsat al-Islāmiyyah wa Ihyā’ al-Turāth, h. 213.

nikah tanpa wali.²³ Manakala bagi mazhab Maliki jika perempuan yang dikahwini itu golongan yang mulia (bangsawan), cantik, berharta serta digemari oleh orang ramai maka pernikahan tanpa wali tidak sah.²⁴ Persoalannya apabila pernikahan tersebut telah berlangsung sekian lama sehingga melahirkan anak pinak yang ramai adakah ia perlu difasakhkan semata-mata untuk beramal dengan mazhab Syafi'i. Dalam hal ini mengelak kemudaratan yang bakal ditanggung oleh pasangan kehilangan hak pewarisan masing-masing) dan anak-anak hasil dari pemisahan perkahwinan adalah lebih utama diamalkan dari tegahan perkahwinan tanpa wali semata-mata. Ini kerana pemisahan perkahwinan yang benar-benar dituntut dilakukan jika melibatkan haram yang jelas (*al-haram al-bayyin*) ataupun kesalahan yang tidak syak lagi sedangkan perkara yang diperselisihkan oleh ulama tidak membawa kepada keyakinan. Walaupun pandangan Imam Syafi'i yang mewajibkan wali dalam perkahwinan itu kuat tetapi tetapi kita wajib beriktiqad sebagaimana kata al-Sha'rani bahawa semua Imam mazhab (empat) itu mendapat petunjuk dari Allah SWT.²⁵ (dalam melakukan ijtihād masing-masing). Namun disyarat perkahwinan tersebut telahpun berlangsung lama dan telah berlaku persetubuhan sehingga melahirkan anak sebagai *iḥtīyāt* agar orang awam tidak bermain-main dalam bermazhab sehingga membawa kepada *talfiq* yang merosakkan hukum Syarak.

Dalam meraikan pandangan mazhab lain, Imam Syafi'i sendiri menunjukkan teladan yang jelas kepada kita. Diriwayatkan beliau

²³ Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān al-Dimashqī (1995M/1416H), *Raḥmat al-Ummah fī Ikhtilāf al-A'immah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 212; Al-Nawawī (t.t.), *Rawḍah al-Tālibīn*, juz. 5. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 382.

²⁴ Lihat Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān al-Dimashqī (1995M/1416H), *Raḥmat al-Ummah fī Ikhtilāf al-A'immah*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah; ‘Alī bin Muḥammad bin Habib al-Mawardī (2005M/1426H), *al-Hawi al-Kabīr*, juz. 9. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 212; Muḥammad Na’im Muḥammad Ḥanī Sa’ī, *Mawsū‘ah masā’il al-Jumhūr fī al-Fiqh al-Islāmī*, c. 1, juz. 2. Katherah: Dār al-Salam, hh. 673-674.

²⁵ ‘Abd al-Wahhāb bin Aḥmād al-Sya’rānī (t.t.), *al-Mīzān al-Kubrā al-Sya’rāniyyah*, c. 1, juz. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 32.

pernah mengikut Imam golongan Malikiyyah yang tidak membaca *bismillah* sedangkan baginya bacaan *bismillah* dalam solat itu wajib.²⁶ Begitu juga Imam Syafi'i pernah ditanya berkaitan dengan sah atau tidak bersolat di belakang Imam bermazhab Hanafi yang menyentuh kemaluan setelah mengambil wuduk, beliau menjawab: bagaimana aku tidak bersolat di belakang Abu Hanifah.²⁷

Seterusnya sikap keterbukaan Imam Syafi'i dalam menerima pandangan orang lain jelas apabila beliau menyatakan إذا صح الحديث فهو مذهبي (apabila sahihnya sesuatu hadis maka ia adalah pandanganku). Dalam menjelaskan maksud perkataan tersebut al-Subki menyatakan bahawa semua ulama mempunyai usul dan metode yang tersendiri dalam membina mazhab masing-masing. Oleh itu jika jika mana-mana hadis berlawanan dengan metode atau kaedah yang dibina oleh mereka maka hadis tersebut akan ditolak. Hal ini berlawanan dengan Imam al-Syafi'i. Ini kerana beliau tidak mempunyai apa-apa kaedah yang boleh menolak mana-mana hadis bahkan apabila sahnya sesuatu hadis yang diriwayatkan itu maka itulah pandangannya.²⁸ Semua itu menunjukkan bahawa fiqh mazhab Syafi'i didirikan hasil dari kesedaran sikap keterbukaan Imam Syafi'i sendiri yang mengkaji perkembangan yang berlaku dalam fiqh mazhab Maliki dan fiqh mazhab Hanafi dengan mendalam dan meluas. Kematangan Imam Syafi'i ini membolehkan beliau mampu mendirikan mazhab tersendiri yang kekal sehingga ke hari ini.

Sikap Liberal Dalam Memahami Fiqh Mazhab Syafi'i di Antara Realiti dan Tuntutan Semasa

Terdapat seruan di akhir-akhir ini untuk mengajak umat Islam melakukan ijтиhad kononnya budaya taqlid di Malaysia telah membawa banyak kesesatan dan penyelewengan dari ajaran

²⁶ 'Abd al-Jalīl 'Isā (1962M/1382), *Mā lā Yajūz fī al-Khilāf bayn al-Muslimīn*. Kaherah: Dār al-Qalām, h. 71.

²⁷ *Ibid.*, h. 71.

²⁸ Taqī al-Dīn 'Alī bin 'Abd al-Kāfi al-Subkī (t.t.), *Ma'nā al-Qawl al-Imam al-Matlabi idha Ṣaḥħ al-Hadīth fahuwa Mazhabī*, Kaylānī Muḥammad Khalīfah (ed.), (t.tp.):Mu'assasah al-Qurtubah, h. 113-116; 'Alī Jum'ah (2004), *op.cit.*, h. 28.

Islam sebenar. Malah mereka mendakwa taqlid adalah punca segala kesesatan dan Syarak tidak membenarkan umatnya sama sekali melakukan taqlid kepada mana-mana mazhab. Seterusnya golongan ini juga mengkritik sebahagian umat Islam yang didakwanya tidak beramal dengan ajaran Islam semata-mata bertaqlid dengan mazhab Syafi'i. Sebenarnya golongan ini lalai ataupun lupa untuk membezakan di antara taqlid dan ijтиhad sebenar. Malah mereka tidak menyedari bahawa seruan tersebut mungkin tidak mampu dilakukan oleh mereka sendiri. Sebahagian masyarakat di kalangan umat Islam di Malaysia yang masih gagal membezakan di antara ijтиhad dan *al-ra'y* (pemikiran). Sering kali *al-ra'y* dianggapnya ijтиhad. Apabila mereka memerah akal berfikir terhadap sesuatu masalah sehingga mendapat kata putus dari hati sanubari maka terhasilah keputusan yang dicari. Setelah itu mereka mendakwa kononnya itulah hukum yang dikeluarkan berdasarkan ijтиhad yang dilakukan. Lantaran itu diserunya umat Islam di Malaysia untuk melakukan ijтиhad sebagaimana yang mereka lakukan. Begitu mudah sekali mereka melakukannya. Barangkali jalan mudah yang ditempuhi itulah yang menyebabkan mereka menyeru umat Islam di Malaysia melakukan ijтиhad dan mengharamkan orang awam bertaqlid dengan mazhab Syafi'i. Di antara kategori *al-ra'y* bukannya ijтиhad pada hakikatnya ialah seperti berikut:

- i. Membaca sesuatu ayat atau hadis tentang sesuatu hukum kemudian membuat kesimpulan berdasarkan makna zahirnya. Golongan ini kebanyakannya hanya mendalami tata bahasa Arab dan belajar beberapa potong hadis dari pembacaan terhadap kitab-kitab hadis yang ada tanpa menguasai ilmu Usul Fiqh mahupun ilmu *maqāṣid al-syārī'ah*.
- ii. Setiap kali permasalahan timbul, kata hati akan dijadikan sandaran. Golongan ini menjadikan fihrasat hati sebagai sandaran untuk membuat kesimpulan terhadap sesuatu permasalahan. Apabila hati mereka menjadi tenang menerima hukum yang diputuskannya maka hukum tersebut dianggap benar kononnya sejajar dengan kehendak Syarak. Golongan ini biasanya didokongi oleh pengamal tariqat yang menyeleweng dari ajaran Islam sebenar hasil kejahilan yang mendasari kehidupan mereka.

- iii. Membaca sesuatu permasalahan hukum yang dibahaskan oleh ulama-ulama tertentu dalam kitab-kitab klasik tanpa mengkaji latar belakang hukum dan ‘urf yang mendasari kehidupan para ulama tersebut. Apabila ulama tersebut menjadikan hadis dan al-Quran sebagai hujah dalam membuat penetapan hukum tersebut maka dianggapnya pandangan tersebut adalah benar dan wajib diamalkan lalu disebarluaskan kepada orang lain. Golongan ini biasanya bersikap keras dan taksub dengan pendapat yang dipegangi kerana terpesona dengan hujah-hujah yang disediakan dalam kitab-kitab rujukannya. Golongan ini bukannya sahaja menyebarkan fahaman mereka terhadap khalayak ramai bahkan sanggup menghukum golongan yang bertentangan dengan mereka sebagai pembuat bid‘ah, fasiq dan sebagainya.²⁹
- iv. Membaca pandangan hukum yang ditulis dalam pelbagai kitab silam yang ada. Setelah melihat kepada ‘urf dan *maṣlaḥah* setempat maka mereka cuba memilih mana-mana hukum yang sesuai dengan kondisi setempat tanpa menilai bagaimana hukum tersebut dikeluarkan dari penulisnya. Golongan ini kebiasaannya gemar memilih untuk mengetahui hukum dari mencari bagaimana hukum tersebut dikeluarkan.

Perlu ditegaskan di sini bahawa keempat-empat golongan di atas tidak dikategorikan sebagai melakukan ijihad. Urusan ijihad memerlukan keahlian tertentu termasuk mereka yang mengusai

²⁹ Di Malaysia golongan ini lahir dari pengaruh pembawaan melampau yang diceduk dari Timur Tengah. Kemungkinan cara dan uslub yang digunakan bersesuaian di sana tetapi berdasarkan ‘urf dan situasi yang ada tidak sesuai di Malaysia. Pembawaan melampau ini pernah dikritik oleh Muḥammad Abū Zahrah seorang ulama terbilang Mesir. Beliau menyifatkannya sebagai golongan yang keras dan tertutup pemikirannya. Dalam *Tarīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, Muḥammad Abū Zahrah menyatakan ulama-ulama mereka menganggap hanya pendapat mereka sahaja yang betul dan tidak mungkin berlaku kesalahan sedangkan pendapat selain mereka adalah salah dan tidak mungkin benar [Abū Zahrah, *Tarīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, h. 214.]

ilmu usul al-fiqh dan ilmu *maqāsid al-syari'ah*.³⁰ Dalam hal ini Imam Syafi'i menyatakan bahawa siapa yang tidak mempunyai keahlian dalam berijtihad maka dia tidak boleh bercakap (berhukum) tentang sesuatu ilmu (permasalahan hukum) (فَأَمَّا مِنْ لَا أَلَّهُ فِيهِ فَلَا يَجِدُ لَهُ آنَّ يَقُولُ فِي الْعِلْمِ شَيئًا). Manakala al-Shahrastānī pula dalam menjelaskan keahlian ijtihad menyatakan barangsiapa yang tidak berhukum dengan alat (yang dikehendaki dalam ijtihad) maka dia tidak akan mampu menyempurnakan pekerjaannya.³² Seterusnya Ibn 'Abd al-Barr (ulama Maliki) menyebut bahawa ijtihad tidak boleh terlaksana melainkan dengan dalil yang boleh disandarkan kepada halal dan haram dan ijtihad tidak boleh dilakukan melainkan mereka yang berkeahlian.³³

Dari sudut fiqhnya melazimkan diri beramal dengan mazhab tertentu bukannya terkeluar dari ajaran Islam ataupun *bid'ah dälalah* sebagaimana dakwaan sesetengah pihak. Ini kerana tidak ada satu dalil pun sama ada dari al-Quran maupun Hadith yang mengharamkan mana-mana mukalaf berpegang kepada mana-mana mazhab fiqh. Begitu juga beramal dengan mana-mana mazhab dalam keadaan tertentu yang memerlukannya tidak dianggap menyalahi Syarak kerana tidak ada perintah dari Allah ataupun RasulNya untuk mengikut mazhab tertentu. Begitu juga sebaliknya tidak ada seorang ulama yang bertaraf mujtahid *mutlaq*

³⁰ Ibn Subkī dan al-Syaṭībī mensyaratkan seorang mujtahid itu hendaklah mampu menguasai ilmu maqasid al-syari'ah [Lihat Ibrahim bin Musā al-Lakhmi al-Syaṭībī (1997M/1417H), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syari'ah*, c. 3, juz. 4. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 477 ;Taj al-Dīn 'Abd al-Wahhab bin 'Alī dan 'Alī bin 'Abd al-Kāfi bin 'Alī al-Subkī (t.t.), *al-Ihbāj fī Syarḥ al-Minhāj*, juz. 1. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, hh. 8-9.

³¹ Muhammad Idrīs al-Syāfi'i (1961M/1381H), *Mawsū'ah al-Imām al-Syāfi'i (al-Umm)*, juz. 15. Kaherah: Maktabah al-Kulliyyat al-Azhariyyah, h. 29.

³² Muhammad bin 'Abd al-Karīm al-Shahrastānī (1997M/1417H), *al-Milāl wa al-Nihāl*, c. 7, juz. 1. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 237.

³³ Yusūf bin 'Abd Allah ibn 'Abd al-Barr (1418H), *Jami' al-Bayān al-'Ilm wa fadlihi*, c. 3, juz. 2. Beirut: Dār Ibn al-Jawzī, h. 844.

mustaqil yang menyuruh muridnya beriltizam dengan mazhab tertentu.³⁴

Pengamalan fiqh dengan mazhab tertentu sama ada Syafi'i, Maliki, Hanafi dan Hanbali berdasarkan kawasan dan iklim tertentu telah berlaku sejak kemunculan keempat mazhab tersebut lagi. Justeru itu sifat cenderung kepada mazhab yang diamalkan berdasarkan iklim dan budaya setempat tidak boleh dianggap sebagai taksub ataupun berfikiran tertutup asalkan ianya berdasarkan dalil yang sahih dan kuat. Malah sikap tersebutlah menjadi mazhab empat bertahan sehingga kini. Sejarah telah membuktikan sejak sekian lama bahawa pengamalan mazhab tertentu telah banyak memberi kemudahan kepada orang awam dalam beramal dengan ajaran Islam di samping menyatupadukan umat Islam.

Sebenarnya apabila sesuatu negeri dan tempat telah mengamalkan mana-mana mazhab muktabar tertentu maka tidak ada hak bagi mana-mana pihak untuk berusaha mengubah mereka bertukar ke mazhab lain yang dikira muktabar juga. Ini kerana di antara empat mazhab itu tidak ada satupun yang benar-benar diyakini bahawa ia adalah lebih tepat dan benar, bahkan semua mazhab empat itu dianggap benar belaka. Para Imam yang empat iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali walaupun mempunyai metode pembinaan hukum yang berbeza namun masing-masing mempunyai kelebihan tersendiri dalam melakukan ijtihad³⁵. Oleh itu dalam menangani permasalahan semasa di Malaysia kepentingan merujuk kepada pandangan Imam mazhab empat ini tidak dapat dinafikan sama sekali di samping memahami bagaimana pandangan tersebut dijelaskan oleh mereka bukannya menghafal pandangan yang dimuatkan dalam kitab klasik mereka sahaja.

Permasalahan yang berlaku ialah bagaimana sikap liberal dalam memahami fiqh sesuatu mazhab yang diamalkan dan sikap adil dalam menilai sesuatu hukum yang disandarkan kepada mazhab yang didokongi masing-masing dapat direalisasikan dalam

³⁴ Lihat al-Sya'rani (t.t.), *op.cit.*, h. 49.

³⁵ Lihat Musfir bin 'Alī bin Muḥammad al-Qaḥṭānī (2003H/1424H), *Manhāj Istibnāt Aḥkām al-Nawāzil al-Fiqhiyyah al-Mu'asirah*. Beirut: Dār Ibn Hazm, h. 279.

perkembangan hukum Islam semasa di Malaysia. Ini kerana sikap tersebutlah yang menyebabkan mazhab yang didokongi oleh para ulama yang mewakilinya melakukan ijтиhad pada setiap zaman. Permasalahan yang seterusnya pula ialah kemampuan ulama tempatan dalam menilai sesuatu hukum berdasarkan keilmuan yang ada. Senario di Malaysia tidak banyak menunjukkan para ulama tempatan berusaha melengkapkan diri sehingga mampu melakukan ijтиhad terhadap permasalahan semasa yang berlaku. Malah mereka hanya gemar membuat penukilan bebas terhadap hukum-hakam silam yang ada bersandarkan mazhab Syafi'i bukannya bersandarkan metode Usul Fiqh mazhab Syafi'i. Fenomena ini menyebabkan sebahagian dari mereka terjumud dengan pandangan fiqh dari kitab-kitab bermazhab Syafi'i dan sukar menerima pandangan mazhab selain Syafi'i. Dalam hal ini Ibn Qayyim (ulama Hanbali) mengutarakan kata-kata indah yang perlu dihayati bersama oleh golongan ulama tempatan iaitu: “Sikap jumud terhadap penukilan (kitab-kitab) silam selama-lamanya merupakan kesesatan dalam agama begitu juga sikap jahil terhadap motif para ulama muslimin dan generasi salaf”³⁶

وَالْجَمُودُ عَلَى الْمَنْقُولَاتِ أَبْدًا ضَلَالٌ فِي الدِّينِ وَجَهْلٌ بِعِقَادِ الْعُلَمَاءِ
الْمُسْلِمِينَ وَالسَّلْفِ الْمَاضِينَ³⁶

Walau bagaimanapun tidak dinafikan bahawa suasana yang berlaku di akhir-akhir ini telah menunjukkan adanya tanda-tanda yang menunjukkan para ulama tempatan telah mula bersikap terbuka dengan menerima pandangan mazhab selain Syafi'i. Hal ini hanya berlaku apabila pandangan Syafi'i atapun pandangan muktamad dalam mazhab Syafi'i membawa kepayahan kepada umat Islam untuk diamalkan. Contohnya dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor seksyen 51 (2) menyatakan:³⁷

Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qawl* muktamad mazhab Syafi'i sesuatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan berhasil, Jawatankuasa Fatwa

³⁶ Muhammad bin Abī Bakr (1972), *A‘lām al-Muwaqqi‘īn ‘an Rabb al-‘Alamīn*, juz. 3. Beirut: Dār al-Jayl, h. 78.

³⁷ Lihat huraian lanjut oleh Abdul Monir Yaacob, “Kepelbagaiannya Fa - wa: Kekuatan Atau Kelemahan” dalam Abdul Samat Musa, *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-negara Asean*, h. 211.

bolehlah mengikut *qawl* muktamad mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.

Menurut Prof. Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob walaupun dalam melaksana dan mentadbir keadilan dan Hukum Syarak di Malaysia, Mahkamah-mahkamah Syariah terikat dengan peruntukan-peruntukan Enakmen-enakmen Undang-undang Islam tetapi apabila diteliti terdapat hukum Syarak yang ditetapkan tidak sepenuhnya berpegang kepada mazhab Syafi'i.³⁸ Sebenarnya jika dilihat kepada metode Imam Syafi'i maka beramal dengan pandangan selain mazhab Syafi'i tidak dianggap terkeluar dari mazhabnya. Ini kerana Imam Syafi'i telah meletakkan metodanya tersendiri dalam pengistibatan hukum. Begitu juga kaedah إذا ضاق الأمر اتسع yang diberikan oleh Imam Syafi'i telah banyak memberi ruang kepada para pendokongnya menyesuaikan hukum berdasarkan perkembangan zaman dan tempat tanpa perlu bertaklid kepada mana-mana mazhab. Oleh sebab itulah sebahagian pendokong mazhab Syafi'i sendiri tidak sehaluan dengan pandangan Imam Syafi'i. Semua itu disebabkan mereka mengikut metode usul al-fiqh Imam Syafi'i bukannya fiqh Imam Syafi'i semata-mata. Namun jika pandangan hukum yang diperlukan tidak terdapat dalam mazhab Syafi'i maka pandangan golongan lain boleh diterima pakai. Di sebabkan zaman yang berubah-ubah kesamaan hukum tidak berlaku walaupun motif hukum asalnya sama. Kita tidak boleh menganggap perubahan hukum itu disebabkan kesesuaian mana-mana mazhab tertentu dalam berhadapan dengan perubahan zaman dan tempat. Ini kerana semua mujtahid mengikut kehendak Syarak dalam mengambil kira keringanan (*al-takhfif*) dan keregidan (*al-tashdid*) sesuatu hukum. Apa yang berlaku ialah sebagaimana kata Abu Sunnah setiap satu permasalahan hukum yang berlatarbelakangkan pelbagai situasi yang mendasarinya mempunyai dua hukum ataupun beberapa hukum yang boleh disabitkan.³⁹ Begitu juga bagi penulis *rājih*

³⁸ *Ibid.*, h. 213.

³⁹ Aḥmād Fahmī Abū Sunnah (2004M/1425H), *al-'Urf wa al-'Adah fi Ra'y al-Fuqaha'*. Kaherah: Dār al-Basa'irm, h. 161

أن للواقعة الواحدة ذات الأحوال المختلفة، حكمين أو أحکاما ثابتة، لكل حكم تطبيق في ظرفه الذي يختص به

dan *marjūhnya* sesuatu pandangan itu banyak bergantung kepada perubahan zaman dan tempat bukannya mazhab semata-mata.

Walau bagaimanapun patut ditegaskan di sini bahawa orang awam sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini tidak sewajarnya didedahkan dengan sikap liberal yang hanya sesuai diterima pakai terhadap golongan ulama. Mungkin timbul dakwaan jika orang awam wajib berpegang kepada satu-satu mazhab misalnya al-Syafi'i di Malaysia maka sudah tentu akan menyempit dan menyusahkan mereka. Mereka tidak mempunyai kebebasan dan keselesaan dalam beramal dengan mazhab lain sedangkan mazhab Syafi'i lebih ketat dari yang lain. Sebenarnya tidak ada apa-apa kepayahan ataupun kesempitan bagi mereka untuk mengamalkan mazhab Syafi'i jika para ulama semasanya mampu menguasai ilmu usul al-fiqh yang diterima pakai dalam mazhab Syafi'i secara mendalam. Semua ulama mazhab empat tidak mewajibkan pengikutnya berpegang kepada '*azīmah* (hukum asal) ketika kesempitan lebih-lebih lagi mazhab Syafi'i. Hal ini jelas apabila Imam Syafi'i telah memperuntukkan kaedahnya yang tersendiri iaitu (إِذَا ضَاقَ الْأَمْرُ اتَّسَعَ) (apabila sesuatu itu menjadi sempit (sukar diamalkan) diperluaskan).⁴⁰ yang kemudiannya ditambah oleh pendokongnya iaitu Ibn Abī Hurayrah (إِذَا اتَّسَعَ الْأَمْرُ ضَاقَ) (apabila sesuatu menjadi luas (sehingga merosakkan hukum) dipersempitkan).⁴¹ Kata-kata tersebut telah menjadi sebahagian dari kaedah fiqh yang seiring dengan kaedah *التشبيه* (*تَجْلِبُ التَّشْبِيهَ*).⁴² Manakala Imam al-Ghazzālī menyatakan كل ما حاوز حده انعكس (setiap perkara yang melebihi dari batasan (hukum) maka dikembalikan kepada asal yang berlawanan dengannya).⁴³

⁴⁰ Al-Suyuṭī (1987M), *op.cit.*, h. 172.

⁴¹ Badr al-Dīn Muḥammad bin Bahdūr bin ‘Abd Allah al-Zarkashī (2000M/1421H), *al-Manthur fī al-Qawā‘id*, c. 1, juz. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 49.

⁴² Al-Suyuṭī (1987), *op.cit.*, h. 172.

⁴³ Al-Zarkashī (2000), *op.cit.*, juz. 1, h. 49.

PENUTUP

Dalam memahami fiqh mazhab Syafi'i prinsip liberal terhadap fiqh tersebut hendaklah dikaitkan dengan metode pembinaan hukum bukannya fiqh mazhab semata-mata. Pemahaman fiqh Syafi'i semata-mata tanpa merujuk kepada metedologi hukum yang diasaskan oleh Imam Syafi'i akan membawa kepada ketidakadilan dan penyelewengan dari kebenaran hakiki dalam membuat penilaian terhadap mazhab tersebut. Natijahnya di Malaysia akan berlaku fenomena yang membawa masyarakat awam diajak beramal dengan pegangan mazhab lain dalam situasi yang langsung tidak ada tuntutan untuk melakukannya. Bagi para ulama tempatan dengan tuntutan zaman yang berubah-ubah fenomena di Malaysia mendedahkan mereka kepada beramal dengan dua pilihan sama ada memperkasakan diri dengan menguasai ilmu usul fiqh dengan mantap dan mendalam ataupun mengamalkan pandangan mazhab lain yang dianggap *rājiḥ* tetapi *marjūḥ* di sisi mazhab Syafi'i. Pilihan kedua adalah pilihan yang telahpun berlaku di Malaysia dalam beberapa situasi yang melibatkan kepayahan beramal dengan *qawl* muktamad dalam mazhab Syafi'i. Namun pilihan kedua akan membawa kesulitannya yang tersendiri apabila permasalahan yang berlaku tidak disentuh oleh mana-mana mazhab terdahulu khususnya melibatkan hukum Islam semasa dan setempat. Seterusnya tindakan menyeru masyarakat mengeluarkan diri dari bermazhab Syafi'i dengan berpegang kepada mazhab lain kononnya lebih menepati zaman tidak lagi relevan dengan perkembangan ilmu usul fiqh dan fiqh yang telah mengalami zaman kemunculknya. Golongan awam ini hendaklah dipimpin ke arah menyatupadukan amalan tradisi yang ada khususnya melibatkan ibadat *mahdah* (ibadat semata-mata) selagi mana tidak bercanggah secara nyata dengan mana-mana nass-nass ataupun kaedah-kaedah Syarak. Persoalan mazhab yang bersifat *khilāfiyyah* yang berkehendakkan sikap keterbukaan ini tidak wajar dikaitkan dengan pemikiran orang awam. Ini kerana persoalan tersebut hanya mampu difahami dan ditangani oleh mereka yang benar-benar ahli dalam bidang berkaitan. Hormatilah hak mereka agar mereka dapat melakukan amalan keagamaan dengan selesa dan harmoni di Malaysia yang tercinta ini.